



**Majlis Ugama Islam Singapura**  
(Islamic Religious Council of Singapore)



## NOTIS PENGGALIAN KUBUR DI TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG (FASA 8)

KUBUR TERJEJAS DI BLOK 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 DAN 22

- Pendaftaran bagi penggalian kubur di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang Fasa 8 sedang berlangsung.
- Anggota keluarga telah pun diundang untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka (“Mayat Utama”) yang dikebumikan di Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 dan 22.
- Anggota keluarga boleh mendaftar dengan menggunakan **Singpass** menerusi **www.pusara.sg** atau hubungi **6238 4504** untuk janji temu.
- Tarikh akhir pendaftaran adalah pada **12 September 2022**.

## NOTIS BANTAHAN PENGGALIAN KUBUR DI TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG (FASA 8)

BERKAITAN DENGAN KUBUR ISLAM DI LUAR BLOK 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 DAN 22 (“KUBUR TAMBAHAN”)

- Untuk program penggalian kali ini, anggota keluarga juga dibenarkan untuk menuntut sisa jenazah untuk kubur-kubur yang terletak di luar Blok 10-16, 18, 21 dan 22 (kubur tambahan) dengan syarat bahawa mereka telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang sekurang-kurangnya 15 tahun sebelum tarikh tutup pendaftaran (12 September 2022).
- Senarai kubur tambahan yang telah dituntut akan dimaklumkan kepada umum dan dimuat naik di laman internet seperti yang tertera dalam jadual di bawah. Anggota keluarga boleh mengemukakan bantahan ke atas tuntutan yang disenaraikan. Semua bantahan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada 26 Ogos 2022 dan 3 Oktober 2022. Bantahan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan diterima. Senarai penuh akan dipamerkan di laman **www.pusara.sg**

No.	Tuntutan Kubur Tambahan Didaftar Pada	Tarikh Senarai Si Mati Dimuat Naik di Lelaman Internet	Tarikh Tutup Bantahan
1	Antara 13 September 21 dan 30 Jun 22	12 Ogos 22	26 Ogos 22
2	Antara 1 Julai 22 dan 12 September 22	19 September 22	3 Oktober 22

- Sila maklum bahawa penggalian kubur tambahan tidak akan diteruskan jika terdapat bantahan bertulis kepada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) daripada mana-mana anggota keluarga. Pihak waris boleh mengemukakan bantahan mereka terhadap penggalian kubur tambahan sama ada secara dalam talian di [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg) atau secara peribadi dengan menghubungi Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO) di talian 6238 4504 untuk janji temu menyatakan sebab bantahan mereka.
- Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di talian 6238 4504 atau layari laman [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg) atau emel ke [info@pusara.sg](mailto:info@pusara.sg)